KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	19/10/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	JAB.PERHUTANAN SABAH			

Penceroboh guna kanvas elak perlombongan emas dikesan

KOTA KINABALU - Tarik dan sorok kanvas yang menutupi rangka pondok bagi mengelak dikesan menyebabkan aktiviti melombong emas di kawasan Sungai Bole di Hutan Simpan Ulu Segama Malua, Lahad Datu sukar dikesan.

Itu antara taktik penceroboh hutan simpan yang melakukan aktiviti mendulang emas di sungai berkenaan bagi mengaburi pasukan pemantau Jabatan Perhutanan Sabah (JPS).


Jurucakap JPS berkata, pihaknya tidak menyangka berlaku aktiviti berkenaan kerana tiada tanda kemasukan pada laluan dikenal pasti.

Jelas beliau, penceroboh sebenarnya masuk menggunakan laluan yang memerlukan perjalanan selama lapan hari untuk tiba ke lokasi sungai berkenaan.

"Kawasan itu memang terpencil dan memerlukan perjalanan selama lapan hari dengan berjalan kaki. Kawasan itu juga mempunyai banyak laluan dan salah satu paling hampir dengan lokasi kita sudah letakkan pos pengawal.

"Kita memang kawal betul-betul, jadi tiada tanda-tanda orang masuk. Bagaimanapun rupanya, mereka (penceroboh) melalui laluan belakang iaitu laluan tikus yang perlu berjalan kaki selama lapan hari dan kita tidak menyangka mereka boleh masuk begitu jauh dari laluan lain," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Isnin.

Sinar 19 Okt 2021_20



Kanvas yang digunakan untuk menutup rangka pondok untuk mengelak aktiviti melombong emas di Hutan Simpan Ulu Segama Malua, Lahad Datu dikesan pihak berkuasa.